

**PEMBUKTIAN MELALUI DOKUMEN DALAM KES-KES PENGESAHAN HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA****DOCUMENTS AS EVIDENCE IN HIBAH VALIDATION CASES IN SYARIAH COURTS IN MALAYSIA**

\*<sup>i</sup>Mohamed Fouzi Mokhtar, <sup>i,ii</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail, <sup>i,ii</sup>Ahmad Syukran Baharuddin

<sup>i</sup>Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, 71800 Negeri Sembilan

<sup>ii</sup>Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Institut Sains Islam (ISI), Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

\*(Corresponding author) email: [abifauzan@gmail.com](mailto:abifauzan@gmail.com)

**ABSTRAK**

Hibah boleh dibuat melalui dua kaedah iaitu samada secara lisan dan juga secara bertulis. Penggunaan dokumen sebagai kaedah pembuktian dalam kes-kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah telah menjadi pilihan masyarakat pada masa kini. Namun, bukan semua dokumen yang dikemukakan kepada Hakim Bicara diterima sebagai bukti wujudnya hibah. Oleh itu, timbul persoalan sejauh manakah kebolehterimaan keterangan dokumen dalam kes-kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah. Makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti kaedah penerimaan dan pembuktian dokumen yang digunakan dalam kes-kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah. Kajian perundangan ini berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian dokumentasi. Metode analisis yang digunakan adalah analisis kandungan terhadap data-data yang diperolehi daripada dokumen-dokumen ilmiah seperti buku, artikel serta laporan kes dari jurnal dalam isu berkaitan keterangan dokumen dan hibah dari perspektif prinsip Syariah. Hasil kajian mendapati bahawa penerimaan dokumen sebagai bukti dalam kes-kes pengesahan hibah hendaklah memenuhi kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dalam undang-undang keterangan. Kaedah pembuktian melalui pengakuan oleh pembuat dokumen atau pemberi hibah dan kaedah kewujudan dokumen disokong dengan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen merupakan dua kaedah yang kerap digunakan dalam kes pengesahan hibah. Kesimpulannya, kefahaman berkaitan kaedah pembuktian dokumen ini dapat membantu pengamal undang-undang, syarikat-syarikat yang menawarkan produk hibah dan masyarakat memastikan dokumen yang akan digunakan sebagai bukti hendaklah memenuhi kehendak undang-undang. Kajian ini mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan dengan skop yang lebih luas bagi memastikan kelompongan serta permasalahan berkaitan isu ini dilihat dengan lebih spesifik.

**Kata Kunci:** Pembuktian, Dokumen, Pengesahan Hibah, Keterangan, Mahkamah Syariah

**ABSTRACT**

Hibah (Gifts) can be made through two methods, either orally and in writing. The use of documents as a method of proof in the case of hibah confirmation in the Syariah Court has become the choice of society now. However, not all documents submitted to the trial judge are accepted as proof of the existence of a hibah. Therefore, the question arises as to the extent of the admissibility of document evidence in hibah validation cases in the Syariah Court. This paper aims to identify the method of admission and proof of documents used in hibah validation cases in the Syariah Court. This legal study is qualitative in nature using a documentation review approach. The method of analysis used is the content analysis of the data obtained from documents such as books, articles and case reports from journals on issues related to document evidence and hibah from the perspective of Shariah principles. The results of the study found that the admissibility of documents as evidence in the case of hibah confirmation must meet the rules that have been set in the evidence law. The method of proof by acknowledgment by the document maker or grantor and the method of document existence supported

by the testimony of two witnesses who witnessed the completion of the document are two methods that are often used in the case of hibah validation. In conclusion, an understanding of this document proofing method can help legal practitioners, companies offering hibah products and the community to ensure that the documents to be used as evidence must meet the legal requirements. This study suggests that further research be conducted with a wider scope to ensure that the gaps and problems related to this issue are seen more specifically.

**Keywords:** Proof, Document, Hibah Confirmation, Evidence, Syariah Court

## PENDAHULUAN

Hibah boleh dibuat dalam dua kaedah iaitu samada secara lisan dan juga secara bertulis. Namun penggunaan dokumen sebagai kaedah pembuktian dalam kes-kes pengesahan hibah di Mahkamah Syariah semakin menjadi pilihan masyarakat pada masa kini. Perkembangan ini berlaku sejajar dengan perkembangan hibah sebagai mekanisma perancangan dan pengurusan harta orang Islam apabila industri tersebut telah menawarkan pelbagai produk yang berkonsepkan akad hibah. Ia dapat dilihat apabila munculnya pelbagai institusi atau badan yang menawarkan perancangan hibah termasuklah syarikat-syarikat persendirian, pihak bank dan Majlis Agama Negeri. Dalam konteks industri, produk hibah telah dikomersialkan oleh banyak institusi-institusi seperti Amanah Raya Berhad (ARB), Wasiyyah Shoppe Berhad, as-Salihin Trustee Berhad, CIMB, Tabung Haji, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Prudential BSN Takaful Berhad (Nurul Syahirah Othman, et al, 2017). Bahkan perkembangan ini juga dibuktikan dengan bertambahnya permohonan pengesahan hibah di Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, di Selangor, statistik menunjukkan berlaku peningkatan yang ketara terhadap permohonan pengesahan hibah pada setiap tahun berdasarkan statistik berikut:-

Tahun	Permohonan Pengesahan Hibah	Jumlah
2010	12	12
2011	21	21
2012	22	22
2013	26	26
2014	35	35
2015	28	28
2016	48	48
2017	68	68
2018	73	73
2019	130	130
2020	71	71
<b>Jumlah</b>	<b>593</b>	<b>593</b>

Rajah 1. Statistik menunjukkan hanya 12 kes permohonan pengesahan hibah sahaja yang didaftarkan pada tahun 2010 namun telah meningkat setiap tahun (Mohd Tajudin Saifullah bin Abdul Wahab, 2020).

## KONSEP PEMBUKTIAN

Beban pembuktian bermaksud *taklif* atau membebankan salah seorang daripada pihak yang bertikai mengemukakan hujah dan bukti atau keterangan di atas dakwaannya. Bahkan pembuktian merupakan suatu kewajipan yang berat ke atas orang yang mendakwa dan kerana itu ianya dinamakan beban pembuktian. Di samping ianya sebagai suatu kewajipan, ia juga merupakan suatu hak kepada orang yang mendakwa (Mahmud Saedon A. Othman, 1989). Ini bersesuaian dengan perkataan “beban” (*burden/onus*) bermaksud tanggungjawab, kewajipan atau tugas dari sudut undang-undang. Beban bukti merujuk kaedah umum dalam prosiding sama ada jenayah atau sivil, yang memerlukan seseorang itu perlu membuktikan kes atau sebarang fakta yang ditegaskannya. Apabila seseorang itu terikat untuk

membuktikan kewujudan atau ketidakwujudan sesuatu fakta atau membuktikan keseluruhan kes, maka orang tersebut dikatakan menanggung beban bukti. Sementara itu, boleh berlaku perpindahan beban bukti jika terdapat dakwaan dari pihak orang yang dituduh atau pihak defendant dalam hal-hal tertentu. Perkataan beban bukti merujuk dua bentuk beban:

1. Beban perundangan atau pembuktian kes keseluruhannya (legal burden) yang secara prinsipnya, dalam kes jenayah, beban ini ditanggung oleh pihak pendakwa dan dalam kes sivil ditanggung oleh plaintif.
2. Beban mengemukakan keterangan (evidentiary burden) tidak berada secara tetap kepada mana-mana pihak (Ruzman Md. Noor & Istajib Mokhtar, 2011).

Beban yang diperuntukkan di bawah Seksyen 73 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) dikenali sebagai “beban perundangan” bermaksud satu tanggungjawab atau tugas yang dikenakan kepada satu pihak untuk membuktikan kewujudan sesuatu fakta. Istilah lain ialah *burden of persuasion*, iaitu tanggungjawab satu pihak untuk meyakinkan mahkamah akan kewujudan sesuatu fakta. Beban jenis ini agak sukar atau sedikit berat berbanding dengan kategori kedua, iaitu *evidential evidence* yang bermaksud tanggungjawab untuk mengemukakan keterangan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 74 Akta 561. Pemakaian seksyen 72 Akta 561 juga boleh menimbulkan salah faham terhadap konsep beban pembuktian. Seksyen ini hanya diguna pakai untuk kes-kes mal (Zulfakar Ramlee, 2015). Beban membuktii bermaksud sekadar manakah sesuatu keterangan itu diperlukan untuk membolehkan dakwaan itu disabitkan. Dalam erti kata lain, beban bukti membicarakan tentang jumlah keterangan yang perlu dikemukakan atau setakat mana tahap pembuktian diperlukan untuk mensabitkan kes (Mahmud Saedon A. Othman, 2003).

Dalam konteks pembuktian berkaitan kewujudan hibah, mana-mana orang yang mendakwa wujudnya hibah tersebut maka orang tersebutlah yang memegang beban untuk membuktikan dakwaannya itu. Prinsip ini dijelaskan dengan panjang lebar di dalam keputusan kes *Rosmah binti Suly & Seorang yang lain lwn Ismail bin Mohamad & Seorang yang lain, Jurnal Hukum (2011) Jld 32 Bhg 2 hlm 223* yang menyatakan bahawa maka beban untuk membuktikan wujudnya hibah adalah ditanggung oleh defendant (Responden 2) kerana Plaintiff (Perayu) mendakwa sesuatu yang pada asalnya iaitu hibah itu adalah tidak wujud, manakala Defendant (Responden 2) pula menyatakan bahawa hibah tersebut wujud. Manakala dalam konteks beban bukti kewujudan suatu hibah pula, orang yang mendakwa kewujudan hibah tersebut hendaklah memegang beban pembuktian berkaitan dakwaannya itu. Prinsip telah diperkuahkan lagi dalam kes *Ramlah Binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn. Jamaluddin @ Md Jamel Bin Sulaiman & Seorang Lagi, Jurnal Hukum (2016) Jld 42 Bhg 1 hlm 88* yang menyatakan bahawa perayu merupakan orang yang mendakwa tentang fakta berkaitan wujudnya dokumen suratcara hibah iaitu suatu fakta yang asalnya tidak wujud berdasarkan maksim fiqh. Oleh itu, beban untuk membuktikan bahawa dokumen suratcara hibah tersebut wujud adalah terletak dibahu Perayu-Perayu. Dengan kata lain, Perayu-Perayulah yang bertanggungjawab untuk mengemukakan dokumen asal suratcara hibah itu semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah.

## KONSEP DOKUMEN

*Kitābah* merupakan kata terbitan *kataba*, *katban*, *kitāban*, *kitāban* yang bermaksud tulisan (khat). Ulama seperti imam al-Qurafi, Ibn Qayyim dan lain-lain menyatakan *kitābah* adalah tulisan (khat), ia merupakan salinan ucapan lisan dari seseorang dengan menggunakan huruf-huruf tertentu (Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2011). Dari segi bahasa, *al-kitabah* yang dilafazkan dengan menggunakan huruf *hijaiyyah* bermaksud tulisan (Muhammad Zuhaili, 1994). Maksud catatan di sini ialah catatan atau tulisan yang dibuat oleh seseorang samada pemerintah, hakim atau rakyat biasa. Catatan tersebut samada di atas kertas rasmi yang bermeterai atau tidak (Mahmud Saedon A. Othman, 2003). Dokumen tidak diberikan definisi khusus oleh fuqaha' sebaliknya mereka memberikan definisi kepada catatan yang digunakan sebagai bukti bertulis sahaja dengan pelbagai istilah seperti *al-sakk*, *al-hujjah*, *al-mahdar*, *al-sijill* dan *al-wathiqah* (Amin al-Jarumi, 2005). Manakala dokumen jika dirujuk berdasarkan Kamus Dewan (2005) adalah bermaksud sebagai “suatu yang bertulis atau bercetak yang digunakan sebagai rekod atau bukti”. Rata-rata para ulama terdahulu telah memberi gambaran yang

agak sempit mengenai dokumen ini termasuklah wujud perbezaan pandangan berkaitan penerimaan sebagai salah satu pembuktian dengan mengaitkannya sebagai tulisan zahir yang dapat dibaca dengan penglihatan semata-mata.

Menurut sarjana terkemudian, dokumen adalah lebih sesuai ditafsirkan dengan lebih meluas sebagai menjelaskan atau menyifatkan sesuatu dengan menggunakan tulisan, lakaran atau salinan yang berbentuk zahir sama ada secara klasik atau secara elektronik dan seumpamanya bagi memenuhi keperluan semasa (Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee, 2013). Ini dibuktikan apabila tafsiran dokumen ini telah dijadikan sebagai suatu undang-undang dan istilah ‘dokumen’ merangkumi sebarang bentuk perkara yang menerangkan atau menghuraikan sesuatu sama ada ia berbentuk, abjad, angka atau tanda atau gabungan satu atau lebih bentuk-bentuk yang dinyatakan di atas bertujuan untuk digunakan atau boleh juga digunakan untuk tujuan merekodkan perkara tersebut sebagaimana diperuntukkan di dalam Seksyen 3 Akta 561. Bersesuaian dengan peredaran masa dan perubahan keadaan, dokumen kini telah diterima sebagai salah satu bentuk kaedah pembuktian yang boleh diterima dan terpenting pada hari ini. Ciri-ciri dokumen yang bersifat kekal dan jelas sekalipun dalam tempoh yang lama menjadikan ia sebagai pilihan untuk dijadikan bukti dalam banyak urusan. Dokumen merupakan pembuktian yang paling kukuh sekiranya terbukti sahih dan tulen tanpa memerlukan pembuktian lain kerana tulisan dan cap yang terpelihara daripada penipuan dan peniruan boleh dijadikan sebagai asas penghukuman dan tidak perlu dibuat sabitan dengan cara lain (n. n. 1968).

Dokumen hendaklah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dokumen awam dan dokumen persendirian berdasarkan peruntukan undang-undang keterangan sedia ada. Dokumen awam merupakan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan atau pihak-pihak yang diberi kuasa oleh pemerintah untuk mengeluarkannya dan ia mengandungi syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi. Apabila dokumen awam telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka dokumen tersebut mempunyai nilai pembuktian yang kukuh tanpa memerlukan pengakuan pihak yang mengeluarkan dokumen tersebut (Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee, 2013). Menurut Seksyen 57 Akta 561, dokumen awam meliputi pertamanya, dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod tindakan kepada tiga (3) golongan iaitu golongan pertama adalah pemerintah berdaulat. Golongan kedua pula adalah badan rasmi dan tribunal dan golongan terakhir merupakan golongan pegawai awam, pegawai perundangan, pegawai kehakiman dan pegawai eksekutif Persekutuan, Negeri atau negara asing. Dokumen awam juga termasuklah rekod awam yang disimpan di Malaysia mengenai apa-apa dokumen persendirian. Kekuatan dokumen awam atau rasmi tidak dapat dicabar dalam pembuktian melainkan jika timbul dakwaan berlaku pemalsuan terhadap dokumen tersebut. Dokumen awam juga merupakan keterangan berkaitan dokumen rasmi atau yang ditulis secara rasmi beserta akuan bersumpah oleh pihak yang berwajib. Ia boleh digunakan tanpa perlu disokong dengan dokumen lain kerana ia dokumen yang sah lagi sahiih seperti sijil daftar kelahiran, sijil mati, sijil nikah dan seumpamanya.

Dokumen Persendirian boleh ditakrifkan sebagai dokumen yang dibuat atau diterbitkan oleh pihak perseorangan tanpa melibatkan penjawat awam untuk membuat pengesahannya. Kadangkala dokumen yang dikeluarkan oleh penjawat awam juga dikira sebagai dokumen persendirian sekiranya ia diterbitkan atas dasar individu dan bukannya berdasarkan jawatan yang dipegang (Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013). Seksyen 58 Akta 561 menyebut dokumen ini di keluarkan oleh pihak-pihak persendirian yang tidak menepati syarat-syarat yang ada pada dokumen awam. Status keterangan dokumen persendirian tidaklah sekutu dokumen awam yang mana ia boleh dicabar kredibilitinya kerana timbulnya dakwaan pemalsuan atau pihak-pihak mengingkari tulisan atau tandatangan yang terdapat pada dokumen tersebut. Ingkar bermaksud tidak mengakui sesuatu perbuatan yang disandarkan kepadanya sama ada tulisan, cap, tandatangan, cap jari dan sebagainya dalam sesuatu pendakwaan. Keterangan dokumen persendirian atau tidak rasmi boleh digunakan semasa perbicaraan apabila hakim bicara berpuas hati dokumen tersebut tidak diragui keaslian dan ketulenannya. Antara dokumen persendirian seperti surat-surat tidak rasmi, surat-surat melalui faks, catatan perniagaan dan seumpamanya (Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013).

## KONSEP HIBAH

Hibah dari sudut bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Hibah ialah pemberian hak atau harta secara sukarela, tanpa dipaksa atau terpaksa daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain dengan niat dan tujuan yang baik, tanpa ada sebarang syarat, imbalan atau balasan (Rositah Kambol, 2019). Al-Syarbini pula mendefinisikan hibah sebagai pemilikan sesuatu benda tanpa balasan semasa hidup dan dilakukan secara sukarela. Ini bermakna, hibah adalah pemberian suatu pemilik tanpa balasan, sekiranya memberi milik kerana mengharapkan pahala akhirat maka dinamakan sedekah dan sekiranya dipindahkan kepada yang menerima hibah maka dinamakan hadiah (Sharbini, Muhammad al-Khatib.1995.) Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) memberikan definisi hibah sebagai pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan yang baik; menghibahkan memberikan (pada masa si pemberi masih hidup) (Mohd Adib Abd Muin, et. al, 2015). Manakala rukun hibah pula terdiri daripada pemberi hibah, penerima hibah, harta yang dihibah dan lafaz ijab dan qabul (Amir Husin Mohd Nor, et. al., 2018). Wahbah Zuhayli juga menyatakan bahawa rukun hibah menurut ulama ada empat iaitu pemberi, penerima, barang yang diberi dan sighah (Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda, 2018).

Noor Lizza et al., [33] mengkategorikan hibah kepada dua iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Hibah bersyarat pula dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian, hibah bersyarat *'umrā* dan hibah bersyarat *ruqbā* (Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2019). Hibah mutlak merupakan pemberian sesuatu kepada seseorang secara langsung sebagai penghargaan kepada penerima hibah atau pemindahan hak milik tanpa balasan yang berlaku ketika masih hidup secara sukarela. Hibah *'umrā* adalah hibah yang diberikan kepada penerima hibah tetapi jika penerima mati dahulu, maka harta tersebut dikembalikan semula kepada pemberi hibah. Manakala Hibah *ruqbā* adalah hibah bersyarat yang meletakkan syarat siapa yang meninggal dunia terlebih dahulu. Jika pemberi hibah meninggal dahulu, maka harta tersebut menjadi milik penerima, sebaliknya jika penerima meninggal dunia dahulu, hibah mesti dipulangkan kepada pemberi. Hibah bersyarat berbeza dengan hibah mutlak kerana hibah mutlak disepakati oleh fuqaha manakala keunikan hibah bersyarat adalah terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan fuqaha. Pada dasarnya hibah bersyarat adalah tidak sah, tetapi jika syarat itu boleh dipenuhi dan tiada elemen *gharar*, maka hibah itu sah. Hibah mutlak adalah hibah yang diberikan secara milikan penuh kepada penerima. (Nurul Huda Ahmad Razali, et. al., 2018)

Perkembangan perancangan harta melalui hibah juga dapat dilihat apabila munculnya pelbagai institusi atau badan yang menawarkan perancangan hibah termasuklah syarikat-syarikat persendirian, pihak bank dan Majlis Agama Negeri. Sejak dengan perkembangan hibah ini, turut berkembang adalah penggunaan dokumen hibah yang digunakan sebagai suatu bukti untuk menunjukkan bahawa hibah tersebut telah dibuat mengikut hukum syarak dan undang-undang. Fungsi dokumen ini ialah untuk memastikan harta yang diberikan kepada orang tersayang diakui tanpa boleh dicabar oleh waris lain (Alias Azhar, et. al., (t.t)). Kebanyakan agensi-agensi atau syarikat amanah atau syarikat perancang harta menawarkan khidmat penulisan dan penyediaan dokumen hibah selain pengurusan hibah itu sendiri. Dokumen hibah ini secara umumnya mengandungi maklumat berkaitan rukun-rukun hibah seperti pemberi hibah, penerima hibah, barang yang dihibahkan, sighah ijab dan qabul, qabd dan dua orang saksi. Sighah hibah tersebut bergantung kepada jenis hibah yang hendak dikuatkuasakan oleh pemberi samada mutlak atau bersyarat.

Perkembangan ini telah mengurangkan pemberian hibah yang dibuat secara tradisional iaitu secara lisan. Seterusnya, penyediaan dokumen hibah adalah lebih menjimatkan kos jika hendak dibandingkan dengan kos pertukaran hak milik semasa pemberi hibah masih hidup. Hal ini kerana terdapat perbezaan kos antara pindah milik dan turun milik. Pindah milik harta adalah lebih tinggi berbanding turun milik harta. Maka, jika ibu bapa ingin melakukan penarikan semula, prosesnya adalah lebih mudah dan tidak melibatkan Mahkamah Syariah kerana nama pemilik masih kekal pada dokumen hak milik harta atau geran. Oleh yang demikian, kepelbagaiannya institusi yang menawarkan produk hibah telah mewujudkan perbezaan dari segi produk hibah, pengurusan hibah dan dokumentasi hibah yang dilakukan (Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda, 2018). Selain penggunaan dokumen ini sebagai bukti kepada hasrat pemberi hibah, terdapat juga penggunaan dokumen-dokumen lain yang digunakan

oleh pihak-pihak untuk membuktikan rukun hibah mahupun elemen *al-qabd*. *Al-qabd* adalah syarat lizum yang bermaksud akad hibah tidak berkuatkuasa dan sempurna dengan hanya ijab dan qabul semata-mata. Akad hibah tidak mengikat sehingga al-qabd disempurnakan dan pemberi hibah berhak menarik balik hibah tersebut selama mana harta berkenaan masih berada dalam pemilikannya. Namun penerimaan barang tidak menjadi syarat dalam hibah dan memadai hanya dengan akad semata-mata berdasarkan mazhab Hanbali dan Maliki (Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda, 2018).

## **BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH BERKAITAN HIBAH**

Setiap hibah yang dibuat samada secara lisan mahupun secara dokumen bertulis hendaklah disahkan terlebih dahulu sebelum boleh dikuatkuaskan. Pengesahan tersebut hendaklah dibuat di Mahkamah Syariah berdasarkan bidang kuasa yang diberikan kepadanya mengikut negeri-negeri yang tersendiri. Walaupun tiada perkataan hibah yang digunakan dalam akta ini namun boleh difahami bahawa penggunaan perkataan “alang” dalam peruntukan tersebut sama ada semasa *marad-al-maut* atau semasa hidup dan “penyelesaian yang dibuat tanpa balasan” adalah hibah. Contohnya, perkara berkaitan hibah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dinyatakan di dalam Seksyen 46 (2) (b) (v) dan (vi) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) seperti yang berikut:-

- “46. (2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—  
 (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan—  
 (v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam;  
 (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;”

Mahkamah semasa memutuskan pengesahan kes hibah adalah berdasarkan kepada rukun yang digariskan di dalam Islam dengan meneliti dan membuat pemerhatian ke atas setiap satu rukun yang ada. Dalam mengesahkan setiap rukun tersebut juga, mahkamah melihat kepada syarat-syarat sah yang digariskan dalam Islam (Adilah Mohd Sa'fie & Mohd Zamro Muda, 2016). Ini bermakna sebelum seseorang Hakim membuat pengesahan terhadap dakwaan wujudnya pemberian atau hibah maka Hakim hendaklah memastikan suatu hibah tersebut memenuhi kesemua rukun hibah dan juga elemen *al-qabd* terlebih dahulu. Kewujudan dokumen-dokumen sokongan termasuklah dokumen berkaitan rukun dan syarat sah hibah itu sendiri akan memudahkan pemberi hibah tersebut membuktikan kewujudan hibah itu adalah selaras dengan hukum syarak. Dalam konteks ini, terdapat beberapa dokumen yang boleh membuktikan kewujudan transaksi hibah tersebut. Pertama, dokumen hibah itu sendiri yang boleh membuktikan kewujudan elemen rukun-rukun hibah, *al-qabd* dan dua orang saksi yang menyempurnakan dokumen hibah tersebut. Kedua, dokumen awam atau persendirian yang lain seperti surat, penyata bank, geran, resit, borang dan lain-lain yang boleh membuktikan kewujudan salah satu rukun hibah atau *al-qabd* secara berasingan. Keperluan kepada dokumen untuk membuktikan kewujudan transaksi hibah ini adalah amat penting pada masa kini bersesuaian dengan peranan dokumen itu sendiri. Ini telah dibuktikan dalam kes *Azrai Bin Abdul Aziz lwn Asiah Binti Mahmud & 3 Yang Lagi, Saman No.: 10300-044-0221-2013* di Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam, Selangor, apabila Mahkamah memutuskan hibah yang didakwa berlaku adalah tidak sabit kerana bukti-bukti mengenai kewujudan harta-harta sama ada geran tanah, kereta mahupun salinan penyata akaun bank tidak dibuktikan.

## **KAEDAH PENGESAHAN DOKUMEN AWAM**

Dokumen ini merupakan salah satu bukti yang kuat dan menjadi *qarinah* yang boleh membuktikan wujudnya transaksi hibah. Walaubagaimanapun, penerimaan sesuatu dokumen tersebut tertakluk kepada jenis dokumen dan kaerah yang telah ditetapkan oleh undang-undang keterangan yang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, dalam kes *Marina Binti Mohd Arif lwn Mai Bt Jantan, Jurnal Hukum (2006) Jld 21 Bhg 2 hlm 178* telah timbul persoalan berkaitan sama ada telah

berlaku hibah (pindah milik) terhadap harta-harta dalam kes ini dengan hanya menggunakan Borang 14A. Mahkamah telah dibekalkan dengan suatu salinan dokumen Borang 14A yg telah dipenuhi oleh pihak pemberi dan penerima hibah yang dibuat di hadapan seorang Pegawai Penolong Pentadbir Tanah, Port Dickson. Perkataan-perkataan yang tertera di dalam borang 14A secara jelas menyebut tentang pindah milik dan ditandatangani/dicap jari oleh pihak-pihak berkenaan. Mahkamah bersetuju menerima perkataan-perkataan yang tertulis itu sebagai sighah antara kedua pihak. Ini bersesuaian dengan satu kaedah fiqhiyyah: *Al-Kitabah Kal Khitab* bermaksud tulisan itu seumpama ucapan.

Namun keputusan tersebut telah dirayu oleh Defendan yang tidak berpuashati dengan keputusan tersebut iaitu dalam kes *Mai Binti Jantan lwn Marina Binti Mohd Arif Dan Seorang Yang Lain*, Jurnal Hukum (2006) Jld 21 Bhg 2 hlm 183. Perayu berhujjah bahawa borang pindahmilik (Borang 14A) tidak boleh dianggap sebagai sighah hibah dan borang tersebut adalah tidak sempurna, tidak jelas dan mengalami kecacatan. Mahkamah Rayuan Syariah dalam keputusannya telah menolak dakwaan perayu dan mengesahkan bahawa Borang 14A iaitu borang pindah milik tanah boleh diterima sebagai sighah kepada aqad hibah kerana terdapat tandatangan pemberi dan penerima harta yang dinyatakan yang menunjukkan persetujuan kedua belah pihak tentang pertukaran hakmilik tanah tersebut.

Sekiranya dokumen tersebut adalah dokumen awam maka dokumen awam tersebut boleh diterima dengan mengemukakan dokumen asalnya sahaja seperti yang dijelaskan di dalam Seksyen 49 Akta 561 atau dalam bentuk salinan yang disahkan benar daripada salinan asal. Manakala Seksyen 59 Akta 561 mensyaratkan suatu salinan diperakui hendalah mengandungi suatu perakuan yang ditulis di kaki salinan itu bahawa ia adalah salinan yang benar dan perakuan itu hendaklah ditarikhkan serta ditandatangani oleh pegawai itu dengan nama dan jawatan rasmi serta hendaklah dimeteraikan tanpa perlu mengemukakan pembuat dokumen tersebut.

## **KAEDAH PENGESAHAN KESAHIHAN DOKUMEN PERSENDIRIAN**

Namun sekiranya dokumen tersebut adalah dokumen persendirian maka dokumen tersebut hanya boleh diterima setelah ketulenan dan keesahan dokumen tersebut dibuktikan termasuklah dokumen hibah yang disediakan oleh syarikat perancangan harta. Suatu perkara yang jelas dalam isu pembuktian suatu dokumen persendirian adalah elemen keaslian atau ketulenan adalah satu perkara, dan kerelevan dokumen tersebut dalam perkara yang didakwa itu adalah merupakan satu perkara yang lain. Selain dari yang sah, dokumen tersebut juga hendaklah dokumen utama atau asal, relevan dari segi undang-undang, dan bukan suatu dengar cakap (Mursilalaili Mustapa Sa'di, et. al, 2015). Di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561), semua fakta kecuali dokumen-dokumen boleh dibuktikan dengan keterangan lisan. Keterangan dokumen hendaklah dibuktikan dengan mengemukakan dokumen tersebut kepada Mahkamah. Persoalan kebolehterimaan dokumen per se adalah persoalan undang-undang. Ini terletak kepada pihak yang ingin mengemukakan dokumen untuk menunjukkan bahawa itu boleh diterima oleh undang-undang. Ini adalah syarat peraturan bukti terbaik bahawa pembuat dokumen mesti dipanggil untuk membuktikannya (Augustine Paul, 2010).

Selain itu, peruntukan berkaitan syarat-syarat penerimaan dokumen persendirian adalah tertakluk kepada Seksyen 48 hingga sehingga Seksyen 56 Akta 561. Dokumen hibah ini dianggap dokumen persendirian kerana dibuat oleh orang perseorangan dan bukan dikeluarkan oleh kerajaan. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian terhadap dokumen tersebut maka pihak tersebut hendaklah membuktikan dokumen tersebut adalah tulen dan sah dari sudut dokumen dan kandungannya. Ini bersesuaian dengan keputusan kes *Ramlah Binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn. Jamaluddin @ Md Jamel Bin Sulaiman & Seorang Lagi Jurnal Hukum (2016) Jld 42, Bhg 1 hlm 88* yang menyatakan suratcara hibah yang didakwa bertarikh 20/10/1992 merupakan satu dokumen persendirian berdasarkan seksyen 58 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

Sebagai contoh, dalam kes *Haris b. Mohd Amin lwn Muhd Noor b. Mohd Amin & 3 lain*, Kes Rayuan No. 14000-044-0048-2014 di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perayu tidak berpuashati dengan keputusan Hakim Bicara yang mensabitkan hibah simati kepada Responden 1 ke atas hartaanah, wang simpanan dan barang kemas. Perayu dan Responden adalah saudara kandung dan anak kepada si mati. Mahkamah semasa memutuskan rayuan tersebut mendapati Manakala Perjanjian Hibah bertarikh 23.10.2004 (P6) dan Perjanjian Hibah bertarikh 19.7.2010 (P7) telah membuktikan kewujudan hibah tersebut kerana P6 dan P7 adalah suatu dokumen yang sah dan telahpun disetemkan di bawah Akta Setem 1949 bagi membolehkan dokumen tersebut dijadikan keterangan terutama tindakan sivil. Responden juga telah mengemukakan saksi yang membuat dan menyaksikan perjanjian hibah pada 2004 dan 2010. Ini bersesuaian dengan Seksyen 55 Akta 561. Berkenaan qabd bagi wang simpanan dan barang kemas adalah apabila Responden telah memegang buku ASB dan barang kemas tersebut. Bahkan Responden telah membayar zakat bagi harta tersebut seperti dibuktikan dengan resit zakat yang ditanda P14.

Dokumen persendirian tidak boleh boleh disahkan hanya dengan mengemukakan dokumen asal atau salinan yang disahkan untuk diterima sebagai keterangan seperti dokumen awam. Undang-undang keterangan sedia ada telah memperuntukkan kaedah-kaedah tertentu berkaitan pembuktian ketulenan dan kesahihan suatu dokumen tersebut sebelum ia boleh diterima. Pertama, dokumen hibah yang asal itu sendiri hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Syariah terlebih dahulu semasa perbicaraan. Syarat ini telah ditegaskan dalam satu keputusan kes *Ramlah Binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn. Jamaluddin @ Md Jamel Bin Sulaiman & Seorang Lagi, Jurnal Hukum (2016) Jld 42, Bhg 1 hlm 88* di peringkat rayuan yang memutuskan tatacara pembuktian dokumen sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 56 tersebut hanya boleh dibuat sekiranya dokumen asal telah dikemukakan untuk pemeriksaan di dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah. Malangnya, dokumen asal suratcara hibah yang didakwa tersebut tidak pernah dikemukakan oleh mana-mana pihak. Adalah mustahil untuk membuktikan kesahihan kandungan sesuatu dokumen sedangkan dalam masa yang sama kewujudan dokumen itu sendiri tidak dapat dipastikan. Kedua, dokumen persendirian tersebut hendaklah dibuktikan keaslian dan kesahihannya berdasarkan salah satu daripada kaedah yang berikut:-

#### **(a) Pengakuan Pembuat Dokumen**

Ini adalah kaedah keterangan yang terbaik di dalam membuktikan kewujudan hibah tersebut dan juga membuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen hibah itu sendiri bersama dengan kewujudan dokumen hibah yang dimaksudkan. Keharusan menggunakan kaedah ini diambil berdasarkan pemahaman daripada maksud tersirat peruntukan seksyen 56 (1) Akta 561 yang menyatakan jika pembuat dokumen menafikan tulisan dan tanggungan yang wujud berdasarkan dokumen tersebut. Namun jika pembuat dokumen tersebut mengakui dan tidak menafikan maka ia dipanggil sebagai pengakuan atau iqrar. Pengakuan ini hendaklah mengikat pembuat dokumen yang biasanya adalah pemberi hibah bersesuaian dengan Seksyen 17 Akta 561 itu sendiri. Sebagai contoh, dalam kes *Nik Azman Maula Bin Nik Mohamed lwn Haifa Binti Taharin, Saman No.: 14700-044-0117-2010 di Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Lumpur*, Plaintiff telah memfailkan tuntutan pengesahan hibah yang telah dibuat melalui suatu dokumen bertulis yang mengandungi rukun-rukun hibah yang lengkap. Plaintiff membuat pengakuan bahawa dokumen tersebut dibuat secara sukarela dan memang berhasrat menghibahkan sebuah rumah yang dinyatakan dalam dokumen bertulis tersebut kepada Defendan dan rumah tersebut adalah bebas daripada sebarang tanggungan. *Al-Qabd* di dalam kes ini dibuat dengan cara menyerahkan geran rumah tersebut kepada Defendan. Justeru, tuntutan Plaintiff diluluskan.

Begitu juga jika dilihat dalam kes lain iaitu *Khairul Bariah binti Ahmad lwn Fatin Nabilah binti Mohd Radzuan, Saman No.: 10100-044-0722-2018 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor*, Plaintiff telah memfailkan tuntutan pengesahan hibah sebuah unit rumah pangaspuri yang dibuat oleh Plaintiff kepada Defendan melalui Dokumen Hibah pada 16.04.2017. Plaintiff mengakui bahawa dokumen tersebut adalah benar dan ianya juga tidak dinafikan oleh Defendan serta mengandungi kesemua rukun hibah termasuk lafadz ijab dan qabul. Manakala *qabd* dalam kes ini adalah berdasarkan pengakuan Plaintiff bahawa Defendan telah pun mengambil manfaat daripada harta tersebut. Oleh itu, tuntutan Plaintiff dibenarkan. Dalam kes Pengesahan Hibah *Abdul Rahman Bin Hj Ahmad dan Dua Orang Yang Lain, Saman No.: 14700-044-0117-2010 di Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Lumpur*,

Pemohon Hj Abdul Rahman Bin Hj Ahmad memohon untuk mengesahkan hibah yang ingin diberikan kepada anak-anaknya yang telah diakadkan pada 17.7.2010 dalam Majlis Pengisytiharan Hibah. Majlis tersebut dihadiri oleh dua orang saksi daripada Plaintiff. Dalam kes ini, harta yang dihibahkan belum ditukar nama kepada penerima-penerima hibah. Pemohon telah menandatangani satu dokumen hibah yang dikeluarkan oleh Syarikat Wasi Pusaka Sdn. Bhd pada 17.7.2010. Berdasarkan kandungan dokumen tersebut terdapat elemen keterangan ijab daripada pemberi hibah, elemen keterangan qabul daripada penerima hibah dan tandatangan dua orang saksi yang membuktikan akad hibah itu berlaku. Hakim Syarie meneliti keterangan saksi berkenaan yang menjelaskan bahawa pemberi hibah tidak dipaksa oleh mana-mana pihak ketika melafazkan ijab.

### **(b) Dua (2) Orang Saksi**

Kaedah kedua yang dinyatakan adalah dokumen persendirian tersebut boleh dibuktikan melalui keterangan dua (2) orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut dan boleh mengesahkan kesahihan dan ketulenan dokumen hibah tersebut sekiranya pembuat dokumen tersebut menafikan tulisan atau tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu. Kaedaini telah dinyatakan di dalam seksyen 56 (1) Akta 561. Kaedah ini juga boleh dipakai untuk membuktikan dokumen tersebut sekiranya pembuat dokumen telah meninggal dunia atau seumpamanya. Ini bermaksud kesahihan dan ketulenan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi yang menyaksikan dokumen itu dibuat oleh pemberi hibah. Sebagai contoh, dalam kes *Harizah Binti Zainal Ehsan lwn Fatimah Binti Yusof & 3 lagi, Saman No.: 10100-044-0220-2013 di Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam, Selangor*, Hakim Syarie turut mengiktiraf surat pengisytiharan hibah daripada Syarikat Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd yang dibuat oleh pihak-pihak setelah disokong oleh saksi yang menyaksikan transaksi hibah yang berlaku antara pihak-pihak bagi menguatkan tuntutan dokumen berkenaan. Seterusnya, hakim bicara menerima dokumen tersebut sebagai pembuktian yang kukuh berlakunya transaksi hibah dan sekaligus hakim tersebut mengesahkan hibah berkenaan (Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said, 2019).

Contoh lain adalah dalam kes *Mohd Akbar Bin Shafawi lwn. Fara Soraya Binti Tarmizi dan Khafil Rusyaidi Bin Kamarul Rasydan, Saman No.: 06100-044-0473-2014 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan*, Pemohon ingin memberikan hartanya kepada Responden pertama iaitu Fara Soraya Binti Tarmizi yang merupakan isterinya dan Responden kedua iaitu Khafil Rusyaidi Bin Kamarul Rasydan yang merupakan anak angkat yang masih lagi bawah umur. Pemohon telah mengakadkan hibah kepada Responden pertama dan Responden kedua menerusi dokumen deklarasi hibah yang dikeluarkan oleh Syarikat al-Quds Sdn. Bhd. Berdasarkan alasan penghakiman kes ini, Hakim bicara telah mengiktiraf dokumen tersebut sebagai elemen ijab dan qabul setelah disokong dengan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan transaksi hibah ini berlaku seterusnya mengesahkan hibah. Begitu juga dalam kes *Nor Haily Maizura Binti Hussein lwn Nur Shamsul Bhariah Binti Hussein dan Lima Yang Lain, Saman No.: 14700-044-0132-2011 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur*, Hakim Syarie menerima deklarasi hibah yang ditandatangani oleh pemberi hibah sebagai salah satu bukti kewujudan elemen sighah walaupun tiada lafadz qabul atau tandatangan oleh penerima hibah setelah keterangan berkaitan dokumen tersebut disokong dengan keterangan empat orang saksi yang terdiri daripada isteri pemberi hibah, salah seorang daripada penerima hibah dan dua orang pegawai Syarikat Salihin Trustee yang menyaksikan tindakan pemberi hibah menurunkan cop jari pada dokumen berkenaan. Tambahan pula, disusuli tindakan qabd yang dilakukan oleh penerima hibah yang telah mendapat keizinan pemberi hibah menguasai harta tersebut membawa kepada transaksi hibah itu sah.

Manakala dalam kes *Abu Talib @ Musa Bin Muda lwn Che Alias Bin Che Muda, Jurnal Hukum (2006) Jld 22 Bhg 2 hlm 161-173*, Plaintiff telah membuat tuntutan hibah ke atas sebidang tanah di GM58 Lot 1662 Mukim Batu Buruk Kuala Terengganu dan sebuah rumah di Kg Pengadang Akar Kuala Terengganu. Mahkamah dalam kes inia telah menerima keterangan dokumen yang dikemukakan oleh plaintiff iaitu Surat Perjanjian Kasih Sayang yang ditandatangani oleh Pemberi Hibah iaitu Wok binti Yusof dengan disaksi oleh Ramlah bt Muda dan Dasimah bt Muda. Saksi-saksi juga berkata bahawa pemberi hibah faham dan surat itu telah dibaca di hadapan mereka bertiga. Selepas difahami barulah dokumen tersebut di cap jari oleh mereka bertiga, malah pemberi hibah masih sihat dan tiada paksaan wujud ketika itu. Justeru mahkamah mengesahkan tuntutan hibah oleh pihak plaintiff.

**(c) Dua (2) Orang Saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan**

Namun Seksyen 56 (2) Akta 561 mensyaratkan sekiranya saksi-saksi yang menyaksikan kewujudan kepada dokumen itu tidak dapat ditemui atau dipanggil ke Mahkamah Syariah maka tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan melalui kaedah dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan dokumen itu. Pembuktian melalui kaedah ini biasanya menggunakan keterangan saksi-saksi yang rapat dengan pemberi hibah yang mengenali tulisan pemberi hibah. Ini bermaksud, sekiranya sesuatu dokumen dikatakan telah ditandatangani atau telah ditulis keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana orang, maka tandatangan atau tulisan tangan mengenai sekian banyak daripada dokumen itu yang dikatakan sebagai tulisan tangan orang itu hendaklah dibuktikan sebagai dalam tulisan tangannya bersesuaian dengan Seksyen 54 Akta 561 Namun kaedah ini mungkin agak sukar untuk digunakan pada waktu kini memandangkan perkembangan teknologi yang ada tidak menggalakkan dokumen ditulis dengan tulisan tangan lagi walaupun berkemungkinan ada.

**(d) Keterangan Dua (2) orang Pakar**

Kaedah untuk membuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen hibah tersebut boleh dibuat melalui sekurang-kurangnya keterangan dua orang pakar. Keterangan yang perlu dibuat oleh kedua-dua pakar tersebut adalah berkaitan tulisan dan tandatangan pada dokumen itu seperti yang disyaratkan dalam Seksyen 56 (4) Akta 561. Keterangan pakar ini boleh diminta apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab dan pendapat berkaitan perkara tersebut* ialah *qarinah*. Peruntukan berkaitan jumlah pakar yang boleh dipanggil ke mahkamah juga ada dinyatakan dalam Seksyen 33 Akta 563. Seksyen tersebut menyatakan bahawa dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan.

**(e) Sumpah**

Sekiranya kesemua kaedah di atas tidak boleh dilaksanakan bagi membuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen, pembuat dokumen tersebut yang menafikan berkaitan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah mengangkat sumpah apabila diminta oleh orang yang mendakwa bahawa pembuat dokumen itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu. Sekiranya pembuat dokumen itu enggan berbuat demikian, maka orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan sekiranya dia bersumpah maka dia hendaklah dianggap telah membuktikan tuntutannya berdasarkan Seksyen 56 (6) Akta 561. Keadaan ini juga bersesuaian dengan prinsip umum dalam Seksyen 72 Akta 561 bahawa beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-Mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a 'alaih*).

Kegagalan memenuhi kaedah pembuktian yang telah ditetapkan oleh undang-undang akan menyebabkan suatu dokumen persendirian tersebut akan ditolak oleh Mahkamah. Penolakan dokumen persendirian tersebut juga boleh menyebabkan suatu permohonan pengesahan hibah yang dibuat di Mahkamah Syariah juga akan ditolak. Sebagai contoh, dalam kes *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 lain lwn. Noraini binti Abu Bakar & 2 lain, Saman No.: 10400-044-0534-2014 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor*, Plaintiff merupakan anak lelaki kandung kepada Allayarhamah Puteh Sareah binti Daya (*selepas ini disebut sebagai "Si mati"*). Si mati telah meninggal dunia pada 21.03.2011 akibat *Severe Acute Coronary Syndrome* dan telah meninggalkan ahli waris yang berhak mempusakai harta peninggalannya yang terdiri daripada Plaintiff 1, Plaintiff 2, Plaintiff 3, Defendant 1, Defendant 2 dan Defendant 3. Suami si mati, Abu Bakar bin Tahir telah meninggal dunia terlebih dahulu daripada si mati iaitu pada 13.11.1992 disebabkan *Septicaemia Shock*. Plaintiff 1, Plaintiff 2 dan Plaintiff

3 mendakwa si mati telah memeteraikan Surat Hibah yang disediakan oleh Zar Perunding Pusaka Sdn Bhd di hadapan dua (2) orang saksi yang bernama Abu Zarim bin Abu Bakar dan Nurrifithriah binti Mohd Esam pada 18.08.2010. Namun Surat Hibah bertarikh 18.08.2010 telah ditandakan sebagai ID-4. "ID" ini juga memberi maksud bahawa dokumen hibah tersebut masih dipertikaikan samada ia dokumen yang digunakan semasa majlis akad tersebut atau sebaliknya. Oleh kerana dokumen itu tidak dibuktikan maka tuntutan Plaintiff ditolak.

Begitu juga dalam kes *Badri Bin Daud lwn. Salbiah Binti Mat Mordi & 8 lain, Saman No.: 10400-044-0455-2013 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor* Plaintiff dan Defendan – Defendan kecuali Defendan 1 yang merupakan isteri si mati, adalah merupakan anak kepada Allayarham Daud bin Hj Aman (*selepas ini disebut sebagai "Si mati"*) yang telah meninggal dunia pada 14.05.2013 akibat kemalangan jalanraya. Pada 12.04.2008, Si mati telah membuat hibah secara bertulis dan lisan melalui dokumen yang dinamakan sebagai Dokumen Pengisytiharan Hibah (*selepas ini disebut sebagai "Dokumen Hibah Tersebut"*) di rumah yang beralamat di No. 14, Jalan PJS 6/3C, Kampung Lindungan, 46000, Petaling Jaya, Selangor. Si mati telah menghibahkan tiga (3) harta tak alih Si mati kepada penerima yang telah ditetapkan. Namun Dokumen Hibah Daud Bin Hj Aman yang dibuat pada 12.04.2008 tersebut hanya ditandakan sebagai ID-5 sahaja tanpa dibuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen tersebut dan dipertikai keesahannya. Bahkan saksi-saksi yang ada dalam dokumen tersebut juga tidak hadir semasa majlis akad manakala saksi-saksi lain yang turut hadir pada masa tersebut pula tidak boleh membuktikan kewujudan rukun hibah sebagaimana dalam dokumen. Ini bermakna dokumen ini hanya sekadar suatu dokumen yang dicamkan sahaja dan bukan dokumen yang telah diterima ke dalam Mahkamah atau ditanda sebagai "P". Oleh itu, tuntutan Plaintiff telah ditolak kerana dokumen tersebut tidak dibuktikan kesahihannya.

## KESIMPULAN

Pemberian secara hibah boleh dibuat melalui dua kaedah iaitu samada secara lisan dan juga secara bertulis namun penggunaan dokumen sebagai kaedah pembuktian dalam kes-kes pengesahan hibah semakin menjadi pilihan masyarakat pada masa kini. Dokumen ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dokumen awam dan dokumen persendirian dan kedua-dua jenis dokumen ini boleh dijadikan sebagai bukti dan *qarinah* yang kukuh wujudnya transaksi hibah antara pihak-pihak. Sekiranya pembuktian tersebut menggunakan dokumen dokumen awam maka dokumen awam tersebut boleh dibuktikan dengan mengemukakan dokumen asalnya atau dalam bentuk salinan yang disahkan benar oleh pegawai awam yang menyimpannya. Namun sekiranya pembuktian tersebut menggunakan dokumen persendirian maka penerimaan dokumen tersebut tertakluk kepada pembuktian berkaitan kesahihan dan ketulenan dokumen tersebut semasa perbicaraan di Mahkamah Syariah. Pertama, dokumen persendirian asal itu sendiri hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Syariah terlebih dahulu semasa perbicaraan. Kedua, dokumen persendirian tersebut hendaklah dibuktikan dengan salah satu kaedah yang telah ditetapkan undang-undang iaitu pengakuan pembuat dokumen atau keterangan dua (2) orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut atau kaedah dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan dokumen itu atau keterangan dua orang pakar atau sumpah pembuat dokumen jika diminta mengikut turutan keutamaan yang telah ditetapkan. Kaedah pembuktian melalui pengakuan dan kaedah pembuktian melalui keterangan dua orang saksi lebih kerap digunakan dalam kes pengesahan hibah berbanding kaedah yang lain. Kajian ini mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan dengan skop yang lebih luas bagi memastikan kelompongan serta permasalahan berkaitan isu ini dilihat dengan lebih spesifik.

## RUJUKAN

- Jurnal Hukum. JKSM. Putrajaya.
- Wilayah Persekutuan. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. (Akta 505).
- Wilayah Persekutuan. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. (Akta 561).
- Amin al-Jarumi. 2005. *"Pembuktian dalam Syariat Islam"*. Shah Alam. Penerbit UiTM.
- Augustine Paul. 2010. *"Evidence Practice and Procedure."* Fourth Edition. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *"Undang-Undang Keterangan Islam"*. Kuala Lumpur. DBP.
- Muhammad Zuhaili. 1994. *"Wasail Ithbat fi al-Syariah al-Islamiah fi al-Muamalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsiyah"*. Jilid 2. Riyadh: Maktabah al-Mu'ayyad.
- n. n. 1968. *"Majallat al-Ahkam al-'Adiliyyah"*. Seksyen 1736. Kaherah: Matba'at Shi'arko.
- Sharbini, Muhammad al-Khatib. 1995. *"Mughni al-Muhtaj"*. Jil.2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. *"Daurun Qabul al-Kitabah fi Isbat Qadhaya al-Muamalat al-Maliah fi al-Fiqh al-Islam wa fi Qanun al-Baiyinah al-Malizi"*. Nilai. Penerbit USIM.
- Adilah Mohd Sa'afie, Mohd Zamro Muda. 2016. *"Garis Panduan Penentuan Kesahan Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah"* Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2016 (KASPI2016). UKM BANGI, 38-48.
- Adilah Mohd Sa'afie, Mohd Zamro Muda. 2018. *"Kepelbagai Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur"*. Al-Qanatir International of Islamic Studies. Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. April, 31-41.
- Amir Husin Mohd Nor, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin. 2018. *"Kaedah-Kaedah Pembuktian Kes Hibah di Mahkamah Syariah Di Malaysia: Rujukan Kes-Kes Dalam Jurnal Hukum"*. Malaysian Journal Of Syariah and Law. Penerbit USIM. Vol. 6. No. 3. Dis., 31-40.
- Mahmud Saedon A. Othman. 1989. *"Pembuktian: Kepentingan Beban dan Hukumnya."* Jurnal Hukum. Jilid 6. Bah. 2. BAHEIS. Kuala Lumpur., 2.
- Nurul Huda Ahmad Razali, Fadhilah Abdul Ghani, Nurul Farhanah Mohd Nasir Dan Munirah Salamat. 2018. *"Tinjauan Hibah Dalam Undang-Undang Pentadbiran Harta Islam di Malaysia: Masalah Dan Solusi"*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development. Vol. 3. No. 15. Dis., 13-19.
- Nurul Syahirah Othman, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2017. *"Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat di Malaysia"*. Jurnal Islamiyyat. Penerbit UKM. Vol. 39. No. 2. April, 135-142.
- Nurul Syuhadah Binti Azalan &Noor Lizza Binti Mohamed Said. 2019. *"Kedudukan Dokumen Hibah Berdasarkan Kes Pengesahan Hibah Di Mahkamah Syariah"* eProsiding Seminar Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa 2019. SePia 2019. KUIPSAS. 25-26 Sept., 126-135.
- Rositah Kambol. 2019. *"Pengurusan Harta Orang Islam Melalui Hibah: Isu Dan Penyelesaian"*. Penerbit KUIM. Journal of Law & Governance Vol. 2. No. 1. t.t., 99-113.
- Ruzman Md. Noor & Istajib Mokhtar. 2011. *"Ulasan Kes Dari Aspek Pembuktian: Rosmah Binti Suly & Seorang Yang Lain lwn Ismail Bin Mohamad & Seorang Yang Lain [JH 32/2, Jun 2011, 223]"*. Jurnal Kanun. Penerbit Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur. Jun, 130-146.
- Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. *"Pelaksanaan Hibah dalam Produk Takaful: Perspektif Fuqaha."* Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences. Penerbit Akademia Baru. Vol. 15. No.1. May, 57-68.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. *"Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh dan Undang-Undang semasa di Malaysia"*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat. Penerbit UKM. Vol. 17. No.1, 1-11.
- Zulfakar Ramlee. 2015. *"Pembuktian Dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu Dan Penyelesaian"*. Jurnal Kanun. Penerbit Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur. Jan, 122-142.

- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. (t.t). “*Hibah Komersial Di Malaysia Satu Tinjauan Di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.*” Retrieved from <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9875/1/>.
- Mohd Adib Abd Muin, Mohd Sollehudin Shuib, Azizi Abu Bakar, Muhammad Ahmad4, Shuhairimi Abdullah dan Azizan Bahari. 2015. “*Pelaksanaan Hibah Dalam Keusahawanan Sosial Islam: Satu Tuntutan Agama*”. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/281107727>.
- Mohd Tajudin Saifullah bin Abdul Wahab. 2020. “*Statistik Pendaftaran Permohonan Pengesahan Hibah*”. Temubual. 20 Oktober.